

DATE : 10 April 2014  
PUBLICATION : Kosmo!  
SECTION : Niaga  
HEADLINE : Agihan pendapatan AHB 3.30 sen

# Agihan pendapatan AHB 3.30 sen

**KUALA LUMPUR** – Pelaburan Hartanah Bhd. (PHB) dan Maybank Asset Management Sdn. Bhd. (Maybank AM) mengumumkan agihan pendapatan interim 3.30 sen seunit untuk dana hartanah Amanah Hartanah Bumiputera (AHB) bagi tempoh enam bulan berakhir 31 Mac 2014.

Ketua Pegawai Eksekutif Maybank AM, Badrul Hisyam Abu Bakar berkata, agihan pendapatan ini melibatkan pembayaran kira-kira RM54.3 juta.

"Sejak diperkenal, dana ini membuat tujuh agihan pendapatan yang konsisten berjumlah RM257 juta kepada para pelabur.

"Kami gembira terhadap sambutan ke atas AHB setakat ini dan dana ini terus menerima pertanyaan di cawangan-cawangan Maybank di seluruh negara walaupun sudah habis dilang-



**PHB**  
Pelaburan Hartanah Berhad

gan," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam.

Selain itu, Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan PHB, Datuk Kamalul Arifin Othman berkata, pihak pengurusan sentiasa mencari hartanah yang sesuai untuk disuntikkan ke dalam AHB supaya saiz dana dapat ditingkatkan.

"Kami juga gembira mengumumkan bahawa Menara 1 Sentrum, bangunan pejabat setinggi 27 tingkat di Lot G di KL Sentral, milik kami, sudah siap pada hujung tahun lepas.

"Kami sedang mengisi ruang pejabat dan menyasarkan bangunan ini dapat disiapkan untuk disuntik ke dalam AHB pada 2015.

"Pada masa yang sama, kami juga giat mencari tanah simpanan baharu untuk pembangunan masa depan," katanya.

Selain itu, Kamalul Arifin menerangkan, penambahan kedua sebanyak 500 juta unit yang dilancarkan pada Oktober 2013, telah habis dilanggan dalam tempoh kurang daripada tiga bulan.

Jelas beliau, agihan pendapatan AHB, jika ada, akan dibayar atas dasar enam bulan untuk tempoh berakhir 31 Mac dan 30 September setiap tahun.

Untuk pelaburan tunai, pembayaran agihan pendapatan akan dikreditkan terus ke dalam akaun bank pemegang unit pada 15 April 2014, manakala untuk skim pelaburan anggota Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), pembayaran akan dikreditkan ke dalam akaun satu, KWSP.

## INFO mengenai AHB

- Mengagihkan pendapatan stabil sejak ditubuhkan tahun 2010
- Dana yang diisokong aset patuh Syariah tanpa mengenakan caj jualan.
- Agihan pendapatan jika ada, dikecualikan cukai tetapi perlu dibayar zakat.
- Dana dikhususkan untuk pelabur bumiputera, dibuka kepada individu berumur tiga bulan dan ke atas
- Pelaburan maksimum RM400,000 seorang dengan pelaburan masuk minimum sebanyak RM500.
- Unit-unit boleh didapati di semua cawangan Maybank di seluruh negara
- Ia khusus untuk pelabur yang mahukan pendedahan risiko sederhana dan pendapatan berkala
- Menawarkan potensi jaminan pulangan lebih tinggi menerusi pelaburan strategik PHB dalam hartanah komersial perdana di lokasi paling diminati di bandar-bandar utama Malaysia.